

19/01/2003

Perhimpunan tahun ini penting dalam sejarah

Maznah Darus

GEORGETOWN: Perhimpunan Agung Umno tahun ini adalah yang terpenting dalam sejarah parti berikutan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengumumkannya sebagai persidangan perwakilan terakhir sebagai Presiden parti.

Justeru, parti itu perlu memikirkan sesuatu yang boleh memperingati hal berkenaan berikutan pengumuman Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno ke-56, Jun tahun lalu, mengenai hasratnya untuk berundur daripada mengetuai Umno.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata pelbagai pelan sudah dan sedang dirancang ke arah itu. Bagaimanapun beliau tidak mengangap ia perlu disenaraikan kepada pengetahuan umum.

"Yang pasti kita sedang berinteraksi pada peringkat bahagian dan apabila Ahli Majlis Tertinggi selesai melawat setiap bahagian nanti, kita akan mendapat gambaran yang lebih jelas.

"Saya juga perlu bantah dan berbincang terlebih dahulu dengan Jawatankuasa Pengurusan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kerana ini adalah perhimpunan yang kita adakan setahun sekali," katanya.

Mohd Khalil berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan projek Adwave 2003 di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, pagi semalam.

Turut hadir Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dzulkifli Abdul Razak dan Dekan Pusat Pengajian Komunikasi USM, Dr Mohammed Zin Nordin.

Mohd Khalil berkata, tumpuan Umno sekarang ialah membuat persediaan perhimpunan di samping mencari fokus yang perlu agar ia selaras dengan suasana di seluruh negara.

Ketika ditanya sama ada sekretariat sudah mengenal pasti perkara tertentu seperti pilihan raya umum yang akan datang, Mohd Khalil berkata:

"Saya percaya perwakilan juga akan bertumpu kepada persediaan dan persediaan parti menghadapi pilihan raya. Kita dah masuk ke masanya untuk perkara itu selepas tiga tahun berlalu. Biasanya masuk tahun keempat seperti ini orang akan bercakap, kalau tak suruh pun orang akan cakap."

Projek Adwave 2003 yang diusahakan pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Komunikasi, USM, itu bermula Rabu lalu.

Terdahulu, dalam ucapan perasmiannya, Mohd Khalil melahirkan rasa bangganya kerana iklan kini tidak hanya cuba menonjolkan jenama produk tetapi turut membawa mesej yang besar pengertiannya.

Bagaimanapun, beliau menegur kekurangan tumpuan terhadap penghasilan iklan melalui radio kerana pengamal industri berkenaan kurang yakin keberkesanannya jika dibanding dengan yang disiarkan menerusi televisyen.